

17/03/1999

Kabinet Sabah perlu unggul

Manja Ismail

SIAPA pengganti Tan Sri Bernard Dompok, yang terpaksa menamatkan lebih awal tempoh dua tahunnya sebagai Ketua Menteri Sabah bagi giliran Bumiputera bukan Islam kerana tewas dalam pilihan raya negeri Sabtu lalu, terjawab sudah.

Yang masih menjadi tanda-tanya, khususnya di Sabah sekarang ialah bagaimana bentuk Kabinet baru negeri dan siapakah bakal menganggotainya termasuk timbalan ketua menteri. Sehingga semalam, perbincangan dan proses tawar-menawar di kalangan parti-parti komponen BN Sabah mengenai jumlah wakil mereka dalam Kabinet, dipercayai belum selesai.

Pelantikan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Datuk Osu Sukam yang mewakili Bumiputera Islam sebagai pengganti Dompok, walaupun dianggap satu perkembangan baru sejak penggiliran ketua menteri diperkenalkan oleh Barisan Nasional (BN) selepas pilihan raya negeri 1994, memang sudah dijangka.

Sebaik saja keputusan pilihan raya negeri kesembilan diketahui dengan Umno memenangi semua 24 kerusi yang ditandinginya, berbanding tujuh oleh komponen lain termasuk hanya dua daripada parti Bumiputera bukan Islam, andaian bahawa ketua menteri baru bagi parti itu semakin bertambah kukuh.

Dompok mengambil alih jawatan Ketua Menteri bagi kuota Bumiputera bukan Islam daripada Datuk Yong Teck Lee (kuota Cina) pada 28 Mei tahun lalu. Penggal dua tahunnya dijadualkan berakhir 28 Mei tahun depan.

Sebelum Yong, jawatan Ketua Menteri disandang oleh dua pemimpin Umno mewakili kuota Bumiputera Islam - Tun Sakaran Dandai (sekarang Yang Dipertua Negeri) dan Datuk Seri Salleh Tun Said.

Bagaimanapun, Parti Demokratik Sabah (PDS) pimpinan Dompok, yang terbesar mewakili Bumiputera bukan Islam dalam BN, hanya menang dua daripada 12 kerusi. Parti itu menang di Ranau (Datuk Siringan Gubat) dan Kuala Penyu (Datuk Wences Anggang).

Justeru, tentulah janggal jika ketua menteri baru nanti daripada parti yang hanya mewakili dua kawasan Bumiputera bukan Islam, untuk menghadapi lawan yang menguasai 17 kerusi majoriti suku kaum masyarakat yang sama. Jika kaedah lama diteruskan, kewibawaan ketua menteri bukan saja akan dipersoalkan oleh pembangkang, malah mungkin diperlekehkan oleh penyokong kerajaan sendiri.

Dengan Parti Bersatu Sabah (PBS) muncul sebagai pembangkang tunggal dan menguasai 17 kerusi, kerajaan negeri yang bakal membawa Sabah ke alaf baru, bukan saja harus kelihatan berwibawa, malah perlu dihormati rakan dan lawan. Lebih penting lagi, kerajaan negeri baru nanti mesti mempunyai kemampuan untuk menunaikan semua janji pilihan raya BN.

Perkembangan ini bagaimanapun tidak seharusnya membimbangkan masyarakat Bumiputera bukan Islam kemungkinan mereka nanti tidak diberi perhatian, apalagi kehilangan kuota ketua menteri. Selepas dua tahun giliran ketua menteri daripada Umno berakhir nanti, pemimpin dari Bumiputera bukan Islam akan diberi peluang menghabiskan baki 15 bulan yang ditinggalkan oleh Dompok itu.

Seperti dijelaskan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika mengumumkan pelantikan Osu kelmarin, perubahan itu dibuat setelah mengambil kira keputusan pilihan raya negeri lalu serta dibincangkan dengan pemimpin parti komponen BN lain termasuk Dompok dan Osu sendiri.

Malah beliau memberi jaminan BN, khususnya Datuk Seri Dr Mahathir

Mohamad selaku pengerusi gabungan itu, tetap berpegang kepada janji untuk meneruskan sistem penggiliran ketua menteri, yang ternyata menstabilkan politik Sabah. "Selepas Osu melengkapkan giliran dua tahun sebagai Ketua Menteri, tempatnya akan digantikan oleh pemimpin Kadazandusun pula," tegasnya.

Dengan andaian bakal ketua menteri bagi mewakili Bumiputera bukan Islam nanti daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) Kadazandusun yang dipilih, ia tentulah di antara Gubat dan Anggang. Bagaimanapun, selain bukan pemimpin kanan parti, mereka agak kurang pengalaman berbanding pemimpin Kadazandusun lain.

Dompok misalnya pernah menjadi timbalan ketua menteri dan menteri Kabinet negeri. Begitu juga dengan Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), Datuk Joseph Kurup yang turut tewas dalam pilihan raya ini. Dari segi politik juga, Dompok dan Kurup pernah memainkan peranan penting ketika bersama PBS dulu, berbanding Gubat dan Anggang yang boleh dianggap muka baru dalam konteks keunikan politik Sabah.

Oleh kerana itu, dalam Kabinet baru Sabah yang akan diumumkan nanti, salah seorang daripada mereka kemungkinan besar akan dilantik sebagai timbalan ketua menteri sebagai persediaan untuk mengambil alih jawatan ketua menteri. Sekurang-kurangnya tempoh dua tahun dalam Kabinet akan memberikan mereka lebih keyakinan untuk memimpin kerajaan negeri.

Perubahan dalam sistem penggiliran ketua menteri ini mungkin menjadi modal baru PBS untuk mengelirukan masyarakat Kadazandusun supaya prasangka mereka terhadap BN dan Umno semakin tebal. Namun, tiada siapa boleh dipersalahkan apabila pemimpin Bumiputera bukan Islam semakin berkurangan dalam Kabinet negeri nanti kecuali masyarakat itu sendiri.

Sebahagian besar mereka ternyata lebih termakan pujukan dan sentimen yang dimainkan oleh PBS daripada menaruh harapan kepada janji pembangunan BN. Kesannya, mereka semakin hilang suara dalam kerajaan. Dalam hubungan ini, adalah menjadi tugas pemimpin Bumiputera bukan Islam dalam BN, terutama yang tewas dalam pilihan raya baru-baru ini untuk memberi penjelasan.

Kepada pemimpin Umno Sabah, kejayaan dalam pilihan raya lalu tidak seharusnya melekakan mereka. Pelantikan Osu juga tidak boleh dianggap ganjaran kemenangan semata-mata. Dua perkara itu harus dilihat sebagai tanggungjawab dan amanah kepada mereka untuk memimpin BN memajukan rakyat Sabah, yang sekian lama ketinggalan.

Lebih penting lagi, pelantikan itu mesti mendorong mereka bekerja keras membantu rakyat supaya sebahagian daripada penyokong parti pembangkang Sabtu lalu, beralih kepada BN dalam pilihan raya umum Parlimen akan datang. Lagipun, seperti dijelaskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, itulah faktor sebenar kenapa pemimpin daripada Umno perlu menjadi ketua menteri Sabah yang baru.

(END)